

# UTHM terima pengiktirafan Tier 5

BATU PAHAT 2 Nov. - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerima pengiktirafan cemerlang, 'Tier 5' menerusi penilaian Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi 2011 (Setara 11) yang dikendalikan Agenzia Kelayakan Malaysia (MQA).

Setara 11 mengklasifikasikan penarafan kepada enam tahap (tier) dengan Tier 6 sebagai tahap tertinggi iaitu terbilang, Tier 5 (cemerlang), Tier 4 (sangat baik), Tier 3 (baik), Tier 2 (memuaskan) dan Tier 1 (lemah).

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, sistem penarafan itu dilaksanakan bagi mengukur kualiti, ketanggungjawaban dan prestasi setiap institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara dengan memberi fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran pada peringkat ijazah pertama.

Menurutnya, penilaian itu merupakan salah satu usaha berterusan Kementerian Pengajian Tinggi dalam meningkatkan budaya penambahbaikan kualiti secara berterusan dan sistem negara yang melengkapi jaminan kualiti MQA.

"Keputusan penarafan setara bagi tahun 2009 sebelum ini meletakkan UTHM berada di kedudukan Tier 4 iaitu pencapaian Sangat Baik. Sebagai sebuah universiti yang sedang membangun, peningkatan ke Tier 5 merupakan kejayaan yang amat membanggakan.

"Kejayaan mencapai tahap cemerlang ini akan membolehkan uni-



versiti menikmati banyak manfaat termasuk tajaan kerajaan bagi pengambilan penuntut dalam dan luar negara, boleh memohon dan menerima geran penyelidikan dan la-yak mendapatkan status universiti penyelidikan serta menambah program pelajar pra dan pasca siswazah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan Anugerah Naib Canselor kepada 203 pelajar cemerlang yang memperoleh purata nilai gred 3.5 ke atas di sini hari ini.

Mereka merupakan sebahagian daripada 2,775 pelajar yang bakal menerima diploma dan ijazah masing-masing pada majlis Konvokesyen UTHM Ke-12 selama dua hari bermula esok.

Mohd. Noh berkata, kejayaan itu membuktikan UTHM diiktiraf setanding universiti ternama lain dan akan menjadi pendorong kepada UTHM untuk terus mempertahankan kecemerlangan berkenaan pada penilaian akan datang.

"Kita berharap dapat mempertahankan Tier 5 ini tetapi dengan markah yang lebih tinggi. Walaupun berada dalam Tier 5, tetapi markah berbeza-beza bagi setiap universiti dan insya-Allah suatu masa nanti saya berharap kita dapat Tier 6," katanya.

Sebanyak 35 IPT mendapat penarafan Tier 5 dalam Setara 11 dengan 13 daripadanya adalah IPTA, namun tiada satu pun mencapai Tier 6.